

PERKHIDMATAN (ORANG AWAM)

- PERKHIDMATAN RUJUKAN

❖ PERKHIDMATAN RUJUKAN PENYELIDIKAN

Perkhidmatan Pertanyaan Rujukan Penyelidikan

Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan permohonan atau pertanyaan yang dikemukakan kepada penasihat pembaca untuk mendapatkan bahan/maklumat yang berbentuk penyelidikan. Pertanyaan ini memerlukan pencarian yang lebih terperinci dari sumber-sumber seperti koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dan koleksi institusi lain, internet serta pangkalan data dalam talian.

Perkhidmatan Pertanyaan Rujukan Ringkas

Merupakan permohonan atau pertanyaan yang dikemukakan untuk mendapatkan maklumat dari sumber sedia ada dalam koleksi PNM yang dapat dijawab dengan segera.

Perkhidmatan Pakejan Maklumat

Merupakan maklumat yang dikumpul dari pelbagai sumber seperti buku, majalah, surat khabar, internet, pangkalan data dan lain-lain berkenaan sesuatu tajuk atau bidang perkara sama ada dari koleksi PNM atau dari institusi lain dan dipakej untuk kegunaan pelanggan. Perkhidmatan ini terdapat di Aras 8, Menara PNM. Topik bagi pakejan maklumat adalah berdasarkan kepada permintaan rujukan yang diterima dari pengguna dan juga yang berkaitan dengan hal ehwal semasa.

Tanya Pustakawan

Tanya Pustakawan merupakan perkhidmatan rujukan Perpustakaan Negara Malaysia bagi membantu pengguna mendapatkan maklumat, rujukan dan sokongan penyelidikan secara dalam talian.

Pertanyaan boleh dibuat dalam pautan dibawah:

<https://www.pnm.gov.my/index.php/forms/form/3>

Hubungi Kami:

Unit Penyelidikan
Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
Aras 8, Menara PNM
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

Tel : 03-2687 1700 samb. 4238
E-mel : tanyapustakawan@pnm.gov.my

PERKHIDMATAN (ORANG AWAM)

- PERKHIDMATAN RUJUKAN

❖ PERKHIDMATAN RUJUKAN MALAYSIANA

Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat merupakan salah satu teras utama perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Sejalan dengan peranan tersebut, Pusat Rujukan Malaysiana telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan maklumat pengguna yang berkaitan dengan Malaysia.

Pusat Rujukan Malaysiana merupakan sebuah bahagian di bawah Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat, PNM, yang berfungsi menyediakan kemudahan rujukan khusus kepada pengguna, terutamanya penyelidik dari dalam dan luar negara. Bahagian ini memberi tumpuan kepada penyediaan bahan rujukan Malaysiana yang komprehensif dan berautoriti.

Sebagai bahagian yang dipertanggungjawabkan menyimpan Koleksi Malaysiana PNM, Pusat Rujukan Malaysiana mengurus koleksi yang merangkumi sumber perpustakaan dalam pelbagai bentuk, bahasa, skrip dan tempoh penerbitan. Koleksi ini merangkumi bahan yang mengandungi sekurang-kurangnya satu bab atau 10% daripada keseluruhan kandungan yang berkaitan dengan Malaysia dan/atau bangsa Malaysia, diterbitkan dalam atau mengenai Bahasa Malaysia/Melayu, serta dihasilkan oleh warganegara Malaysia.

Koleksi Malaysiana diwujudkan bagi menghimpunkan segala maklumat mengenai Malaysia serta hasil penulisan penulis tempatan dan luar negara dalam bentuk monograf dan terbitan bersiri, bagi memenuhi keperluan rujukan maklumat orang awam. Selain itu, bahan rujukan dalam bentuk mikrofilem turut disediakan sebagai sokongan kepada keperluan penyelidikan.

Perkhidmatan Pusat Rujukan Malaysiana beroperasi dari Aras 6 hingga Aras 9, Menara PNM, manakala Koleksi Khas ditempatkan di Aras 10, Menara PNM.

Objektif perkhidmatan ini adalah untuk memastikan bahan dan maklumat yang diperlukan oleh pengguna dapat disediakan secara cekap dan berkesan melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Bagi memperkukuh dan memantapkan perkhidmatan, Pusat Rujukan Malaysiana turut menyediakan Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP), Perkhidmatan Rujukan Penyelidikan serta Perkhidmatan Pakejan Maklumat yang disediakan di Aras 8, Menara PNM, selaras dengan keperluan semasa pengguna.

LOKASI BAHAN PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA

ARAS	BAHAN
Aras 6	Koleksi Terbitan Bersiri Malaysiana, • Surat Khabar • Majalah • Jurnal/artikel • Mikrofilem
Aras 7	Koleksi Monograf Malaysiana • Koleksi Umum
Aras 8	Koleksi Folio Monograf Malaysiana, • Pempakejan Maklumat • Bahan Rujukan Sekolah • Koleksi Peta Topografi • Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)
Aras 9	Koleksi Terbitan Bersiri Malaysiana • Warta dan Perundangan, • Terbitan Kerajaan • Laporan Tahunan
Aras 10	Koleksi Khas Malaysia • Koleksi Peribadi • Koleksi Nadir • Koleksi Terperingkat • Koleksi Arkib • Koleksi Fana

WAKTU PERKHIDMATAN PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA

HARI	WAKTU PERKHIDMATAN
Kaunter Perkhidmatan Rujukan (Aras 6-9, Menara PNM)	
Selasa-Sabtu	10.00 pagi - 7.00 malam
Isnin & Cuti Umum	Tutup
Kaunter Perkhidmatan Koleksi Khas (Aras 10, Menara PNM)	
Isnin-Khamis	10.00 pagi - 5.00 petang
Jumaat	10.00 pagi - 12.15 tengah hari 12.15 tengah hari - 2.45 petang (Tutup) 2.45 petang - 5.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	Tutup
Kaunter Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) Aras 8, Menara PNM	
Isnin-Jumaat	10.00 pagi - 5.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	Tutup